



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 19 Februari 2021 telah mengumumkan tarikh pembukaan sekolah untuk sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka akan dilaksanakan secara berperingkat mulai 1 Mac 2021.

KPM menerima banyak pertanyaan daripada ibu bapa tentang peraturan pemakaian pakaian seragam sekolah apabila sesi persekolahan dibuka kelak. Untuk makluman, murid perlu memakai pakaian seragam sekolah untuk hadir ke sekolah seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas 3/1983: Pakaian Seragam Murid-Murid Sekolah. Namun begitu, mengambil kira keadaan semasa, KPM ingin memaklumkan bahawa murid yang belum mempunyai pakaian seragam sekolah diberi kebenaran memakai pakaian yang sesuai dan kemas serta sopan untuk hadir ke sekolah.

Kebenaran ini diberi mulai 1 Mac hingga 26 Mac 2021, iaitu sehingga cuti pertengahan penggal persekolahan tahun 2021. KPM berharap kebenaran ini akan membolehkan semua murid kembali hadir ke sekolah bagi mengikuti pembelajaran secara bersemuka.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
24 FEBRUARI 2021**